

Majikan perlu memahami masalah kesihatan wanita

Budi bicara diperlukan beri pekerja cuti rehat, cuti sakit

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran mewujudkan cuti haid kepada pekerja wanita yang benar-benar terkesan akibat masalah itu bagi memastikan golongan itu mendapat rehat mencukupi dan tidak menjejaskan produktiviti mereka.

Ketua Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mazila Ghazali, berkata ini kerana ada wanita yang akan mengalami satu hari kritikal dalam kitaran haid termasuk senggugut, demam dan migrain.

Katanya, bagi sesetengah wanita, ada yang tidak boleh bangun langsung kerana masalah senggugut teruk yang dihadapi, namun ada juga yang tiada masalah langsung ketika haid.

“Kesakitan yang dihadapi itu bergantung kepada individu sendiri, namun bagi yang sakit terlalu teruk hingga tidak dapat bekerja, mereka tiada pilihan terpaksa mengambil cuti sakit atau cuti rehat yang diperuntukkan.

“Namun, dengan adanya cuti haid sekurang-kurangnya tiga hari setahun, pekerja yang mempunyai masalah boleh mengambil cuti yang disediakan itu.

“Terdapat beberapa negara di dunia yang sudah melaksanakan cuti haid antara dua sehingga tiga hari setahun iaitu Taiwan, Indonesia, Korea Selatan, Jepun dan Zambia,” katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, bagi majikan yang memahami terutama majikan wanita, pekerja berkenaan mungkin akan dibenarkan bercuti atau jika sudah berada di pejabat, mungkin diberikan peluang berehat seketika sehingga kesakitan reda.

Bagi majikan yang kurang memahami seperti majikan lelaki atau majikan wanita yang tiada masalah sedemikian, mereka mungkin akan menganggap kesakitan setiap kali haid adalah perkara remeh.

“Pandangan remeh itu mungkin akan wujud, terutama jika majikan yang mementingkan produktiviti syarikat atau organisasi dan mereka mungkin akan menganggap masalah sedemikian boleh diurus pekerja wanita.

“Jadi dalam keadaan ini, budi bicara majikan amat penting sama ada untuk memberikan pekerjaannya cuti rehat atau cuti sakit daripada doktor perubatan,” katanya.

Bimbang beri cuti

Dr Mazila berkata, ada majikan yang berkemungkinan bimbang untuk memberikan cuti kepada pekerja wanita kerana tidak mahu ada yang mengambil kesempatan dengan cuti sedemikian.

Katanya, jika ada pekerja wanita yang mengambil kesempatan cuti walaupun tidak sakit, sudah pasti ia akan menyebabkan gangguan dan produktiviti sukar untuk dicapai.

“Justeru, pekerja wanita juga perlu bijak mengatasi masalah yang dihadapi sebagai contoh makan ubat untuk mengurangkan kesakitan dialami.

“Namun, jika pekerja wanita

itu memang mengalami masalah setiap kali haid, mereka boleh berjumpa dengan pakar untuk mendapatkan rawatan dan mendapatkan surat pengesahan cuti sakit jika perlu.

“Dengan surat pengesahan cuti sakit itu, majikan perlu akur dan tiada sebab untuk tidak memberikan pekerja wanita yang mempunyai masalah haid bercuti,” katanya.

Dr Mazila berharap kerajaan akan memperkenalkan cuti haid itu selepas selesai penelitian, kajian dan perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan kerana banyak perkara yang perlu diteliti sebelum memperkenalkan cuti itu.

Beliau mengakui cuti berkenaan mempunyai lebih banyak kebaikan dan beliau amat menyokong jika ia dapat dilaksanakan di negara ini.

“Saya menyokong sokong jika cuti haid diwujudkan kerana sebagai wanita saya tahu keadaan yang berlaku walaupun setiap kesakitan dialami tidak sama.

“Namun, dengan adanya cuti ini ia akan dapat membantu wanita mendapat rehat yang secukupnya terutama ketika menanggung kesakitan dialami

“Terdapat beberapa negara di dunia yang sudah melaksanakan cuti haid antara dua sehingga tiga hari setahun iaitu Taiwan, Indonesia, Korea Selatan, Jepun dan Zambia”

Dr Mazila Ghazali,
Ketua Bahagian
Kaunseling
UPM



dan seterusnya dapat menjaga emosi dan fizikal demi kesejahteraan diri mereka,” katanya.

Baru-baru ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memaklumkan pengenalan cuti haid memerlukan penelitian dan perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, kesatuan sekerja dan pertubuhan majikan.

Timbalan Menterinya, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff, dilaporkan berkata ini disebabkan proses memperkenalkan cuti haid bukan saja membabitkan kesejahteraan pekerja wanita tetapi turut memberi implikasi kepada produktiviti dan ekonomi negara.